

## BAB 3

# Perkembangan Monetari dan Kewangan

### **117 PERSPEKTIF KESELURUHAN**

---

### **117 PERKEMBANGAN MONETARI**

---

### **118 PRESTASI RINGGIT**

---

### **119 PRESTASI SEKTOR PERBANKAN**

---

### **122 PRESTASI PASARAN MODAL**

Sisipan 3.1 – Inisiatif Utama Pasaran Modal

---

### **128 PRESTASI PERBANKAN DAN PASARAN MODAL ISLAM**

Sisipan 3.2 – Perkembangan terkini: Memperkasa  
Kewangan Islam di Malaysia

---

### **135 KESIMPULAN**

---

### **136 RUJUKAN**

---



## BAB 3

# Perkembangan Monetari dan Kewangan

## Perspektif Keseluruhan

*Pasaran kewangan berdaya tahan walaupun berhadapan cabaran luaran*

Persekitaran monetari dan kewangan terus menyokong aktiviti pengantaraan kewangan dengan permintaan kepada pembiayaan kekal mampan disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang stabil dan keadaan pasaran buruh yang bertambah baik. Kapasiti pinjaman bank kekal stabil didorong oleh penampungan modal dan mudah tunai yang kukuh. Pasaran modal yang berdaya tahan disokong oleh pasaran yang dalam dan luas serta inisiatif yang dilaksanakan untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing. Dasar monetari telah kembali ke tahap pra-pandemik. Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 3.00% kekal menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan di samping memastikan persekitaran kestabilan harga. Walau bagaimanapun, prestasi pasaran kewangan domestik masih berhadapan dengan cabaran yang kebanyakannya berpunca daripada faktor luaran. Faktor tersebut termasuk langkah pengetatan dasar monetari oleh bank pusat global; tekanan perbankan di AS dan Eropah; krisis siling hutang AS; ketegangan geopolitik; dan pemulihan ekonomi China yang perlahan.


## Perkembangan Monetari

*Kadar dasar kembali ke tahap pra-pandemik*

Langkah normalisasi dasar monetari diteruskan pada 2023 selaras dengan pertumbuhan domestik yang berdaya tahan. Paras OPR telah diselaraskan pada Mei dengan kenaikan sebanyak 25 mata asas (bps) seterusnya mengembalikan OPR kepada paras

pra-pandemik iaitu 3.00%. Peningkatan ini sejajar dengan perkembangan ekonomi dan penarikan balik rangsangan monetari yang diberikan semasa krisis COVID-19 bagi menyokong pemulihan ekonomi. Kadar OPR seterusnya dikekalkan pada 3.00% sehingga September.

**RAJAH 3.1.** Paras Kadar Dasar Semalaman (%)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada peringkat global, tindakan normalisasi kadar dasar yang bermula pada 2022 menyaksikan bank pusat mengetatkan dasar monetari pada kadar yang berbeza. Bank Negara Malaysia (BNM) mengambil pendekatan yang lebih berhemat dalam mengetatkan dasar monetari secara beransur-ansur dan pada kadar yang terkawal berbanding kebanyakan bank pusat utama dan serantau lain yang

meningkatkan kadar dasar dengan lebih pantas serta dalam magnitud yang lebih besar bagi mengawal lonjakan inflasi. Bagi tempoh Januari 2022 hingga September 2023, jumlah keseluruhan peningkatan kadar dasar Malaysia secara relatif adalah rendah iaitu sebanyak 125 bps berbanding ekonomi utama lain terutamanya AS (525 bps) dan UK (500 bps) serta ekonomi serantau seperti Filipina (425 bps) dan Indonesia (225 bps).

**RAJAH 3.2.** Perbandingan Kadar Faedah antara Bank Pusat, Januari 2022 – September 2023 (mata asas, bps)



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Kadar faedah sistem perbankan kekal stabil dalam tempoh empat bulan pertama 2023 sebelum OPR dinaikkan pada Mei. Selari dengan peningkatan ini, kadar pinjaman purata (ALR) meningkat sebanyak 21 bps kepada 5.07% pada akhir Julai. Selain itu, OPR yang lebih tinggi juga menyumbang kepada kenaikan kadar deposit simpanan sebanyak 9 bps kepada 0.96% dalam tempoh yang sama. Di samping itu, kadar purata nominal pulangan kepada pendeposit meningkat antara 20 hingga 29 bps dengan kadar deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan antara 2.71% hingga 2.94%.

Dasar monetari akan terus berpandukan mandat bagi mencapai kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam jangka masa panjang. Dalam melaksanakan mandat ini, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) kekal peka dengan perkembangan semasa dan bagaimana perubahan situasi domestik dan global akan memberikan kesan kepada keseluruhan prospek inflasi dan pertumbuhan domestik.

## Prestasi Ringgit

### Faktor luaran menjejaskan ringgit

Pergerakan ringgit dalam tempoh lapan bulan pertama 2023 banyak dipengaruhi oleh faktor global terutamanya perkembangan di AS dan pemulihan ekonomi China yang kurang memberangsangkan. Pada awal tahun, ringgit bermula kukuh dengan peningkatan sebanyak 3.2% dan ditutup pada RM4.2677 berbanding dolar AS pada akhir Januari. Prestasi kukuh ini disokong oleh jangkaan bahawa Rizab Persekutuan (Fed) AS mencapai kadar terminal dalam masa terdekat dan sentimen positif terhadap pembukaan semula sempadan China.

Walau bagaimanapun, ringgit mula mengalami beberapa siri penyusutan sejak pertengahan Februari hingga Ogos. Penyusutan dalam tempoh tersebut berpunca daripada perubahan naratif mengenai kenaikan kadar faedah AS ke arah pendirian *hawkish*<sup>1</sup>. Prestasi kurang memberangsangkan ini juga dikeruhkan lagi oleh kelembapan pemulihan ekonomi China setelah Bank Pusat China mengumumkan penurunan kadar faedah secara mengejut pada Jun dan Ogos yang melemahkan nilai renminbi dan terus menjejaskan sentimen terhadap ringgit.


Bagi tempoh yang sama, pasaran pertukaran asing turut terjejas oleh keruntuhan Silicon Valley Bank (SVB) dan krisis siling hutang AS. Meskipun berdepan insiden tersebut, dolar AS kekal menjadi pilihan dalam kalangan pelabur sebagai mata wang selamat. Tambahan

<sup>1</sup> *Hawkish* merujuk kepada pendirian bank pusat yang cenderung ke arah pengetatan dasar monetari atau menaikkan kadar faedah untuk mengekang inflasi.

pula, pelarasan kadar faedah AS yang cepat dan berskala besar sebanyak 100 bps serta jangkaan kenaikan pada masa hadapan memberikan sokongan tambahan kepada dolar AS. Keadaan ini telah menyebabkan ringgit menyusut sebanyak 4.9% dan ditutup pada RM4.6385 berbanding dolar AS pada akhir Ogos sejajar dengan mata wang utama dan serantau lain yang turut merosot berbanding dolar AS.

Melangkah ke hadapan, nilai ringgit akan didorong oleh asas ekonomi Malaysia yang baik dan turut disokong oleh kitaran kenaikan kadar faedah Fed AS yang dijangka berakhir serta pemulihan ekonomi China. Memandangkan Malaysia mengamalkan rejim kadar pertukaran yang fleksibel, nilai mata wang tempatan akan terus ditentukan oleh pasaran dan prestasi ringgit akan dipengaruhi oleh perkembangan global dan domestik.

**RAJAH 3.3.** Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (% perubahan)



Sumber: Bank Negara Malaysia

## Prestasi Sektor Perbankan

*Sektor perbankan kekal teguh dalam persekitaran operasi yang mencabar*


Kedudukan modal sistem perbankan kekal teguh untuk menghadapi kemungkinan kejutan ekonomi menyediakan kredit yang mencukupi bagi menyokong aktiviti ekonomi. Pada akhir Julai, lebih penampakan modal<sup>2</sup> merekodkan sebanyak RM142.3 bilion manakala Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1 (CET1), Nisbah Modal Kumpulan 1 dan Nisbah Jumlah Modal kekal stabil pada 15.1%, 15.6% dan 18.8% iaitu melepasi paras minimum pengawalseliaan Basel III<sup>3</sup>. Di samping itu, bank terus mengekalkan mudah tunai yang mencukupi dengan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (LCR) yang kukuh sebanyak 154.8% dan menyokong aktiviti perantaraan kredit dengan agregat nisbah pinjaman kepada dana yang stabil sebanyak 82%.

Bank terus menyediakan peruntukan mencukupi bagi menangani potensi kerugian kredit dengan jumlah peruntukan termasuk rizab pengawalseliaan sebanyak RM33.2 bilion pada akhir Julai. Di samping itu, nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) kekal pada tahap berhemat sebanyak 115.8% daripada pinjaman terjejas dengan jumlah peruntukan merangkumi 1.6% daripada jumlah pinjaman dalam tempoh yang sama. Kedudukan ini turut disokong oleh kualiti aset sistem perbankan yang kekal utuh dengan nisbah pinjaman terjejas bersih kekal stabil pada 1.1%. Pinjaman terjejas meningkat sedikit namun masih terkawal walaupun berada dalam persekitaran pemulihan yang tidak sekata, kos input yang tinggi dan kenaikan kos sara hidup.

<sup>2</sup> Lebih jumlah penampakan modal merujuk kepada jumlah modal yang melebihi peraturan minimum yang ditetapkan oleh bank termasuk keperluan penampakan pemeliharaan modal (2.5% daripada aset berjawaran risiko - RWA) dan keperluan minimum lebih tinggi yang ditetapkan oleh bank tertentu.

<sup>3</sup> Paras minimum Basel III bagi Nisbah CET1 sekurang-kurangnya 4.5% manakala Nisbah Modal Kumpulan 1 (6%) dan Nisbah Jumlah Modal (8%) daripada RWA.

**RAJAH 3.4. Sistem Perbankan: Pinjaman Terjejas dan Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih (Akhir tempoh)**



<sup>1</sup> Akhir Julai 2023  
Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor perbankan mengekalkan aktiviti pinjaman berhemat dalam keadaan kewangan yang ketat bagi tempoh tujuh bulan pertama 2023. Pada akhir Julai 2023, jumlah pinjaman terkumpul menyederhana sebanyak 4.2% kepada RM2,056.3 bilion berikutan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam segmen perniagaan. Sementara itu, aktiviti pinjaman dalam sistem perbankan bagi semua kategori dalam segmen perniagaan dan isi rumah seperti permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 3.6%, 7% dan 5.2%.

Dalam segmen perniagaan, permohonan pinjaman berkembang sebanyak 6.8% kepada RM310.3 bilion dan kelulusan pinjaman meningkat sebanyak 12.4% kepada RM183.5 bilion berikutan pengembangan aktiviti ekonomi. Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman terkumpul mengecil sebanyak 0.2% kepada RM700.1 bilion disebabkan oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam pinjaman modal kerja. Selain itu, pengeluaran pinjaman menyederhana sebanyak 0.5% mencerminkan pertumbuhan yang lebih rendah terutamanya bagi segmen berkaitan komoditi dan kesan

asas yang tinggi pada suku kedua 2022. Pembiayaan kepada PKS kekal kukuh menerusi pelbagai pembiayaan yang ditawarkan oleh sistem perbankan menyumbang kepada RM347.3 bilion atau 49.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul dalam segmen perniagaan.

**JADUAL 3.1. Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman<sup>1</sup>, Januari - Julai 2022 dan 2023**

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2022	2023	2022	2023
<b>Jumlah<sup>2</sup></b>				
Permohonan pinjaman	769.5	797.5	20.1	3.6
Kelulusan pinjaman	386.4	413.6	26.7	7.0
Pengeluaran pinjaman	1,319.2	1,388.0	15.5	5.2
Pembayaran balik pinjaman	1,311.9	1,396.0	13.2	6.4
Pinjaman terkumpul <sup>2,3</sup>	1,973.8	2,056.3	5.9	4.2
<i>antaranya:</i>				
<b>Perniagaan</b>				
Permohonan pinjaman	290.7	310.3	17.6	6.8
Kelulusan pinjaman	163.2	183.5	18.0	12.4
Pengeluaran pinjaman	928.1	933.0	15.9	0.5
Pembayaran balik pinjaman	929.4	944.5	15.3	1.6
Pinjaman terkumpul <sup>3</sup>	698.4	700.1	5.4	0.2
<i>antaranya:</i>				
<b>PKS</b>				
Permohonan pinjaman	156.7	180.7	8.7	15.4
Kelulusan pinjaman	80.1	95.0	9.2	18.5
Pengeluaran pinjaman	277.9	291.7	32.7	5.0
Pembayaran balik pinjaman	273.6	283.9	31.0	3.8
Pinjaman terkumpul <sup>3</sup>	325.7	347.3	6.3	6.6
<b>Isi rumah</b>				
Permohonan pinjaman	454.2	466.0	20.5	2.6
Kelulusan pinjaman	201.5	212.7	30.5	5.5
Pengeluaran pinjaman	237.1	266.4	23.7	12.4
Pembayaran balik pinjaman	231.1	265.8	11.9	15.0
Pinjaman terkumpul <sup>3</sup>	1,163.1	1,226.0	6.2	5.4

<sup>1</sup> Pinjaman bagi semua segmen termasuk data daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (DFI)  
<sup>2</sup> Merujuk kepada jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada Kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti lain  
<sup>3</sup> Pada akhir tempoh  
Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran  
Sumber: Bank Negara Malaysia

Bagi segmen isi rumah, jumlah pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 5.4% pada akhir Julai. Kebanyakan pinjaman isi rumah disokong oleh permintaan berterusan dalam kredit pengguna terutamanya bagi pembelian harta tanah kediaman dan kereta penumpang. Permohonan pinjaman menyederhana sebanyak 2.6% dan kelulusan pinjaman sebanyak 5.5%. Walau bagaimanapun, volum bayaran balik pinjaman segmen ini terus mencatat pertumbuhan dua digit iaitu sebanyak 15% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2023 disokong oleh peningkatan dalam guna tenaga dan pertumbuhan pendapatan. Prestasi kukuh ini turut didorong oleh sokongan berterusan daripada sistem perbankan yang menyediakan bantuan seperti penjadualan dan penstrukturan semula pinjaman serta khidmat nasihat oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) kepada peminjam yang menghadapi kesukaran dalam memenuhi tuntutan bayaran balik pinjaman.

Melangkah ke hadapan, Rangka Kerja Rangkuman Kewangan Kedua (2023 - 2026) sebagai pelan hala tuju strategik empat tahun yang dilancarkan pada Jun 2023 akan terus memajukan rangkuman kewangan dengan meningkatkan kesejahteraan kewangan dan taraf hidup rakyat. Kerangka ini melengkapi Pelan Sektor Kewangan 2022 - 2026 (FSBP) dengan mengambil kira sudut pertumbuhan baharu yang baru muncul dalam perkhidmatan kewangan serta aspirasi SDG dan tawaran ESG.

Hutang isi rumah meningkat pada kadar yang sederhana sebanyak 5.1% pada Jun 2023 terutamanya didorong oleh pembelian harta tanah kediaman di bawah program insentif pemilikan rumah serta pembelian kenderaan bermotor berikutan lanjutan tempoh pengecualian Cukai Jualan<sup>4</sup> dan pendaftaran kenderaan baharu. Meskipun hutang isi rumah meningkat pada kadar yang perlahan, nisbah hutang kepada KDNK meningkat kepada 81.9% pada Jun disebabkan oleh pengembangan KDNK nominal yang sederhana dalam tempoh yang sama. Sebahagian besar hutang isi rumah bertujuan untuk mengumpul kekayaan merangkumi harta tanah kediaman sebanyak 60.3%, harta tanah bukan kediaman (5.5%) dan pelaburan dalam sekuriti (4.5%).

**JADUAL 3.2. Sistem Perbankan: Pinjaman Terkumpul mengikut Sektor, Akhir Julai 2022 dan 2023**

	RM BILION		BAHAGIAN (%)	
	2022	2023	2022	2023
<b>Perniagaan</b>	<b>698.4</b>	<b>700.1</b>	<b>35.4</b>	<b>34.0</b>
Bukan PKS <sup>1</sup>	369.4	350.3	18.7	17.0
PKS	325.7	347.3	16.5	16.9
<i>Sektor terpilih</i>				
Pertanian primer	32.5	31.7	4.6	4.5
Perlombongan dan kuari	10.6	9.2	1.5	1.3
Pembuatan	131.1	126.6	18.8	18.1
Pembinaan	89.1	89.7	12.8	12.8
Bekalan elektrik, gas dan air	23.3	21.2	3.3	3.0
Perdagangan borong dan runcit	141.0	145.0	20.2	20.7
Hotel dan restoran	19.6	19.4	2.8	2.8
Pengangkutan dan penyimpanan	29.0	30.9	4.2	4.4
Maklumat dan komunikasi	19.5	22.0	2.8	3.1
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	170.0	171.2	24.3	24.5
<b>Isi rumah</b>	<b>1,163.1</b>	<b>1,226.0</b>	<b>58.9</b>	<b>59.6</b>
<i>antaranya:</i>				
Pembelian harta tanah kediaman	705.8	755.2	60.7	61.6
Pembelian harta tanah bukan kediaman	80.3	80.8	6.9	6.6
Pembelian kereta penumpang	162.1	175.4	13.9	14.3
Kad kredit	35.5	40.3	3.1	3.3
Kegunaan persendirian	106.7	110.6	9.2	9.0
Pembelian sekuriti	72.3	63.3	6.2	5.2
Lain-lain	0.3	0.3	0.0	0.0
<b>Sektor lain</b>	<b>112.3</b>	<b>130.3</b>	<b>5.7</b>	<b>6.3</b>
<b>Jumlah<sup>2</sup></b>	<b>1,973.8</b>	<b>2,056.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

<sup>1</sup> Bukan PKS merujuk kepada syarikat besar, termasuk entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain

<sup>2</sup> Merujuk kepada jumlah pinjaman perniagaan dan isi rumah terkumpul dan tidak termasuk pinjaman kepada Kerajaan, institusi kewangan, institusi kewangan bukan bank dan entiti lain

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran  
Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>4</sup> Pengecualian Cukai Jualan dilanjutkan sehingga Jun 2022, manakala pendaftaran kenderaan baharu sehingga Mac 2023.

Daya tahan kewangan isi rumah disokong oleh kapasiti pembayaran hutang yang sihat dan penampungan kewangan yang kukuh. Nisbah khidmat hutang (DSR) bagi pinjaman terkumpul dan pinjaman yang baru diluluskan kekal kukuh berikutan piawaian pengunderaitan hutang yang berhemat. Secara keseluruhan, jumlah aset<sup>5</sup> kewangan isi rumah pada akhir Jun adalah sebanyak RM3,036 bilion dan melebihi jumlah hutang isi rumah sebanyak 2.05 kali. Peningkatan pendapatan dan pekerjaan membolehkan kebanyakan peminjam tidak lagi memerlukan program bantuan bayaran balik dan mampu meneruskan pembayaran balik pinjaman. Perkembangan ini adalah petanda baik untuk kedudukan kewangan isi rumah.

Kementerian Kewangan bersama BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) sedang menggubal Akta Kredit Pengguna (CCA) yang akan memperkukuh perlindungan bagi kredit pengguna di Malaysia melalui penyediaan kerangka peraturan yang menyeluruh kepada perkhidmatan kredit dan perniagaan kredit. Penggubalan akta ini akan memastikan amalan terbaik dalam kalangan entiti yang menjalankan perniagaan tersebut serta menggalakkan industri kredit yang adil, cekap dan telus. Melalui CCA, penyedia kredit bukan bank dan penyedia perkhidmatan kredit yang menawarkan produk atau perkhidmatan kredit seperti Beli-Sekarang-Bayar-Kemudian, syarikat pemajakan dan pemfaktoran, agensi kutipan hutang, pembeli pinjaman terjejas serta agensi kaunseling dan pengurusan hutang tertakluk kepada kebenaran pihak berkuasa, tata kelola dan pengendalian perniagaan yang baik. Entiti yang dikawal selia perlu mematuhi pelbagai syarat termasuk amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab, ketelusan dan pendedahan maklumat serta layanan adil bagi pengguna kredit. Faktor ini akan memperkukuh perlindungan pengguna di Malaysia dan meningkatkan tahap profesionalisme dalam industri.

## Prestasi Pasaran Modal

### *Aktiviti pengumpulan dana kekal teguh*

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2023, pemerolehan dana kasar daripada pasaran modal meningkat sebanyak 11.4% kepada RM184.1 bilion. Prestasi memberangsangkan ini disumbangkan oleh peningkatan pemerolehan dana bagi sektor awam sebanyak 10.8% kepada RM114 bilion dan sektor swasta sebanyak 12.4% kepada RM70.1 bilion.

Pemerolehan dana kasar sektor swasta melalui bon korporat baharu meningkat 11.8% kepada RM67.1 bilion walaupun dalam persekitaran pembiayaan yang lebih ketat. Dana itu terutamanya diperolehi melalui nota jangka pertengahan bernilai RM65.3 bilion diikuti oleh bon biasa (RM1,005.8 juta) dan bon Islam (RM865.6 juta). Kebanyakan pemerolehan dana tertumpu dalam sektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan yang menyumbang 55.6%; elektrik, gas dan air (21.8%); dan pembinaan (9.3%). Dana tersebut terutamanya digunakan untuk membiayai modal kerja, projek baharu dan pembiayaan semula.

Sementara itu, pemerolehan dana melalui pasaran ekuiti domestik dalam tempoh yang sama merekodkan RM2.9 bilion dengan pertumbuhan dipacu oleh IPO. Terbitan baharu di bawah pasaran Utama dan ACE terdiri daripada kaunter produk dan perkhidmatan pengguna dan industri, pembinaan, teknologi, harta tanah dan penjagaan kesihatan. Peningkatan bilangan perniagaan yang merancang untuk disenaraikan dalam tempoh terdekat akan meningkatkan peluang pelaburan dan merancakkan pasaran ekuiti domestik.

<sup>5</sup> Aset isi rumah terdiri daripada deposit, pelaburan dalam dana unit amanah dan pemegangan ekuiti, polisi insurans/takaful serta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).



**JADUAL 3.3.** *Pemerolehan Dana oleh Pasaran Modal, Januari – Julai 2022 dan 2023*

	RM JUTA	
	2022	2023
<b>Sektor Awam</b>		
<b>Sekuriti Kerajaan</b>		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	53,010.8	57,402.9
Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	49,912.6	56,633.9
<b>Terbitan baharu sekuriti hutang</b>	<b>102,923.4</b>	<b>114,036.8</b>
Tolak: Penebusan	47,478.8	58,370.0
<b>Pemerolehan dana bersih oleh sektor awam</b>	<b>55,444.6</b>	<b>55,666.8</b>
<b>Sektor Swasta</b>		
<b>Saham<sup>1</sup>/Waran</b>		
Tawaran Awam Permulaan	2,265.7	2,912.3
Terbitan Hak	-	-
Waran	-	-
<b>Terbitan baharu saham/waran</b>	<b>2,265.7</b>	<b>2,912.3</b>
<b>Sekuriti hutang<sup>2</sup></b>		
Bon biasa	222.3	1,005.8
Bon boleh tukar	-	-
Bon Islam	453.1	865.6
Nota jangka pertengahan	59,382.9	65,267.3
<b>Terbitan baharu sekuriti hutang</b>	<b>60,058.3</b>	<b>67,138.7</b>
Tolak: Penebusan	52,839.3	45,894.4
<b>Terbitan bersih sekuriti hutang</b>	<b>7,219.0</b>	<b>21,244.3</b>
<b>Pemerolehan dana bersih oleh sektor swasta</b>	<b>9,484.7</b>	<b>24,156.6</b>
<b>Jumlah pemerolehan dana bersih</b>	<b>64,929.3</b>	<b>79,823.5</b>

<sup>1</sup> Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus

<sup>2</sup> Tidak termasuk kertas pelaburan jangka pendek mengikut prinsip konvensional dan Islam

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran  
Sumber: Bank Negara Malaysia

**JADUAL 3.4.** *Bon Korporat Baharu mengikut Sektor, Januari – Julai 2022 dan 2023*

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2022	2023	2022	2023
Pertanian, perhutanan dan perikanan	2,119.6	348.0	3.5	0.5
Pembuatan	5,102.0	836.0	8.5	1.2
Pembinaan	4,428.6	6,250.4	7.4	9.3
Elektrik, gas dan air	9,520.3	14,632.2	15.9	21.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	2,100.0	2,785.5	3.5	4.1
Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan	31,747.3	37,358.2	52.9	55.6
Perkhidmatan Kerajaan dan lain-lain	4,270.5	4,535.8	7.1	6.8
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	270.0	392.5	0.4	0.6
Perlombongan dan kuari	500.0	0.0	0.8	0.0
<b>Jumlah</b>	<b>60,058.3</b>	<b>67,138.7</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>

Nota: Termasuk bon korporat yang diterbitkan oleh Cagamas dan syarikat bukan pemastautin  
Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran  
Sumber: Bank Negara Malaysia


Bagi sektor awam, terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) meningkat 8.3% kepada RM57.4 bilion manakala Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) meningkat 13.5% kepada RM56.6 bilion. Terbitan tersebut mengambil kira keperluan kewangan Kerajaan dan profil kematangan hutang. Sementara itu, pegangan asing MGS mencatat sebanyak 36.6% dan MGII sebanyak 10.2% pada akhir Julai. Pasaran hutang Malaysia kekal disokong oleh pelbagai kumpulan pelabur institusi dan asing serta dilengkapi dengan pasaran bon sekunder yang mendalam dan mudah tunai yang tinggi.

Peningkatan pemerolehan dana kasar dalam pasaran modal oleh sektor awam dan swasta terutamanya disokong oleh inisiatif pemulihan ekonomi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Pelaksanaan pelbagai langkah

seperti pembaharuan cukai, akses kepada kredit dan pakej rangsangan tambahan, sektor awam dan swasta menawarkan lebih banyak peluang untuk meningkatkan modal. Selain itu, pelaburan langsung asing dan domestik telah meningkat dengan ketara seterusnya menjana lebih banyak modal dan peluang pelaburan dalam pelbagai projek.


Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2023, kadar hasil bon MGS dan korporat secara amnya merosot merentas semua tempoh. Kadar hasil MGS 1-tahun berkurang sebanyak 2 bps diikuti 3-tahun (18 bps), 5-tahun (26 bps) dan 10-tahun (26 bps). Penurunan dalam penanda aras kadar hasil terutamanya didorong oleh jangkaan pasaran mengenai kadar dasar yang mencapai kemuncak kitaran. Trend ini juga dipengaruhi oleh cabaran makro global, termasuk jangkaan inflasi yang berkurangan di AS serta krisis perbankan global yang terkawal. Pada akhir Julai, kadar hasil MGS 1-tahun ditutup pada kadar 3.24% diikuti 3-tahun (3.49%), 5-tahun (3.60%) dan 10-tahun (3.83%).

**RAJAH 3.5.** Kadar Hasil Indikatif Sekuriti Kerajaan Malaysia (Akhir tempoh)



<sup>1</sup> Akhir Julai 2023  
Sumber: Bank Negara Malaysia

**RAJAH 3.6.** Bahagian Pegangan Asing dalam Jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia Terkumpul (Akhir tempoh)




<sup>1</sup> Akhir Julai 2023  
Sumber: Bank Negara Malaysia

Sementara itu, kadar hasil bon korporat bertempoh matang 5-tahun bagi sekuriti bertaraf AAA menyusut sebanyak 42 bps diikuti AA (42 bps) dan A (10 bps). Walau bagaimanapun, kadar hasil bon korporat bertaraf BBB meningkat sebanyak 21 bps dalam tempoh yang sama dan ditutup pada kadar 7.01%. Namun demikian, kadar hasil bon korporat Malaysia yang bertaraf BBB meningkat sedikit disokong oleh permintaan pelabur terhadap bon korporat yang mempunyai penarafan kredit yang secara relatifnya selamat berdasarkan sentimen penghindaran risiko berikutan krisis perbankan AS. Secara keseluruhan, trend kadar hasil dalam pasaran hutang korporat secara amnya menunjukkan jangkaan kadar faedah yang lebih rendah iaitu menandakan kos pinjaman yang lebih murah seterusnya akan memberikan manfaat kepada banyak perniagaan.

Sukuk dan bon tempatan dijangka memainkan peranan penting sebagai instrumen pembiayaan untuk program dan projek di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Kajian Separuh

Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12). Secara keseluruhan, unjuran MGS, MGII serta bon dan sukuk korporat kekal positif disokong oleh jangkaan pertumbuhan ekonomi yang mampan, paras inflasi terkawal dan kitaran kenaikan kadar oleh BNM yang akan berakhir tahun ini. Namun begitu, faktor luaran seperti ketidakpastian kenaikan kadar Fed AS, kegawatan sektor perbankan dan ketegangan geopolitik boleh menimbulkan risiko turun naik pasaran dalam jangka masa pendek.

**RAJAH 3.7. Kadar Hasil Bon Korporat 5-Tahun (Akhir tempoh)**




<sup>1</sup> Akhir Julai 2023  
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran ekuiti tempatan terus terjejas oleh cabaran luaran dalam tempoh lapan bulan pertama 2023. Pada awal 2023, terdapat kemungkinan kenaikan kadar faedah yang kecil oleh Fed AS berikutan pengurangan tekanan inflasi. Sementara itu, pembukaan semula sempadan China berpotensi memberikan limpahan positif kepada ekonomi global. Faktor tersebut meningkatkan sentimen risiko pada peringkat global tetapi tidak mencukupi untuk mendorong Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) ditutup pada paras yang lebih tinggi dengan indeks merosot sebanyak 0.7% kepada 1,485.50 mata

pada akhir Januari (akhir Disember 2022: 1,495.49 mata). Prestasi hambar ini boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor termasuk ketidakpastian pertumbuhan ekonomi global yang telah menjejaskan sentimen pelabur.

**RAJAH 3.8. Prestasi Bursa Malaysia**



<sup>1</sup> Akhir-Ogos 2023  
<sup>2</sup> Akhir tempoh  
Sumber: Bursa Malaysia

Pada akhir Disember 2022 sehingga 14 Mac, FBM KLCI menyusut sebanyak 6.8% dan ditutup pada paras 1,393.83 mata iaitu di bawah paras psikologi 1,400 mata disebabkan oleh sentimen pasaran yang terjejas akibat kegawatan sektor perbankan di AS dan Switzerland. Walaupun campur tangan awal oleh pihak berkuasa berjaya menghalang insiden ini daripada merebak ke institusi kewangan lain, namun pelabur masih berwaspada dengan potensi kesan penularan dalam sektor perbankan. Pada Mei, kadar OPR telah dinaikkan secara kebetulan sama dengan keputusan yang dibuat oleh Fed AS. Sementara itu, kebimbangan terhadap krisis perbankan AS yang berlarutan, rundingan siling hutang AS dan pilihan raya enam negeri di Malaysia telah menyebabkan pelabur mengambil pendekatan pelaburan yang lebih defensif dan meningkatkan aktiviti pengambilan untung. Di samping itu, aktiviti ekonomi yang lebih perlahan di Eropah

dan pendapatan korporat domestik yang lemah menambahkan lagi kebimbangan ini. Akibatnya, FBM KLCI ditutup rendah pada paras 1,387.12 mata pada akhir Mei.


Berkuat kuasa 13 Julai, Kerajaan mengurangkan kadar duti setem ke atas saham yang didagangkan di Bursa Malaysia daripada 0.15% kepada 0.10% sebagai satu daripada langkah merancakkan semula pasaran modal domestik. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan volum dagangan dan kecairan dalam kalangan pelabur runcit, mendorong PKS untuk meneruskan IPO berikutan proses penyenaian yang dipercepat di samping menggalakkan pelabur asing menyertai pasaran saham Malaysia. Sehubungan itu, FBM KLCI kembali pulih dan ditutup lebih tinggi pada paras 1,459.43 mata pada akhir Julai, dirangsang oleh minat pembelian asing yang kukuh dan sokongan daripada institusi tempatan serta peningkatan aktiviti memburu saham berharga murah. Pemulihan ini terus disokong dengan pelancaran kerangka Ekonomi MADANI. Sentimen pasaran semakin bertambah baik disokong oleh minat pembelian asing dan pengumuman dasar baharu yang seterusnya menyokong peningkatan indeks kepada

1,462.03 mata pada 9 Ogos. Peningkatan peluang pekerjaan tempatan dan langkah rangsangan yang diumumkan oleh China telah menyumbang kepada indeks FBM KLCI ditutup pada paras 1,451.94 mata pada akhir Ogos. Pada masa yang sama, aliran masuk ekuiti bersih terkumpul mencatat RM1,555 juta bagi Julai dan Ogos.

**JADUAL 3.5.** Bursa Malaysia: Penunjuk Terpilih, Akhir Ogos 2022 dan 2023

	2022	2023
<b>Indeks</b>		
FBM KLCI	1,512.05	1,451.94
FBM EMAS	10,697.65	10,740.70
FBM 100	10,449.43	10,412.03
FBM SCAP	14,380.26	16,072.89
FBM ACE	4,910.44	5,217.97
<b>Jumlah urus niaga<sup>1</sup></b>		
Bilangan (juta unit)	489,373.45	559,605.08
Nilai (RM juta)	363,183.71	340,020.02
<b>Purata urus niaga harian<sup>1</sup></b>		
Bilangan (juta unit)	3,020.82	3,475.81
Nilai (RM juta)	2,241.87	2,111.93
<b>Permodalan pasaran (RM bilion)</b>	<b>1,706.31</b>	<b>1,776.33</b>
<b>Bilangan syarikat disenaraikan</b>		
Pasaran Utama	764	773
Pasaran ACE	156	167
Pasaran LEAP	46	48
<b>Kecairan pasaran</b>		
Nilai urus niaga/ permodalan pasaran (%)	21.3	19.1
<b>Penumpuan pasaran</b>		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	34.1	33.0

**RAJAH 3.9.** Prestasi Pasaran Saham Terpilih (% perubahan)




Sumber: Bloomberg

<sup>1</sup> Berdasarkan urus niaga pasaran dan perniagaan secara langsung antara Januari hingga Ogos  
 Sumber: Bursa Malaysia

SISIPAN 3.1

**Inisiatif Utama Pasaran Modal**

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif utama dalam tempoh lapan bulan pertama 2023 untuk meningkatkan tahap mudah tunai dan kecekapan pasaran modal Malaysia. Langkah tersebut adalah seperti berikut:



## Prestasi Perbankan dan Pasaran Modal Islam

*Perbankan dan pasaran modal Islam berkembang pesat sejajar pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan*

Perbankan Islam terus menyokong keperluan sosial dan ekonomi sejajar dengan prinsip kewangan berasaskan nilai menerusi penyelesaian patuh Syariah yang pelbagai dan inovatif. Pada akhir Julai 2023, jumlah aset bank Islam<sup>6</sup> telah berkembang sebanyak 8.1% kepada RM1,293.2 bilion iaitu 36.4% daripada bahagian pasaran. Sementara itu, jumlah pembiayaan Islam terkumpul meningkat sebanyak 9.1% kepada RM844.1 bilion pada akhir Julai dengan kadar pertumbuhan melebihi trend pertumbuhan pinjaman konvensional. Permintaan pembiayaan isi rumah kekal kukuh dan merangkumi sebahagian besar daripada jumlah pembiayaan iaitu 63.1% terutamanya bagi harta tanah kediaman dan kereta penumpang.

Prospek perbankan Islam kekal memberangsangkan disokong oleh ekosistem yang matang bagi menggalakkan keterangkuman kewangan dan sosial. Ekosistem ini merangkumi peraturan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759]; produk dan perkhidmatan yang pelbagai serta inovatif; peserta industri yang berdaya tahan; strategi pendigitalan yang progresif; serta asas pembiayaan yang kukuh menerusi pengantaraan berasaskan nilai (VBI). Di samping itu, komitmen padu Malaysia dalam agenda kewangan sosial diterjemahkan menerusi penyediaan kohort ke-3 kepada Panduan Sektorial bagi Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI AF)<sup>7</sup>. Panduan Sektorial ini akan dimuktamad dan diterbitkan pada suku keempat 2023 menggabungkan pertimbangan risiko berkaitan ESG semasa membuat keputusan pembiayaan dan pelaburan. Gabungan VBI dan

kewangan sosial akan terus meletakkan negara sebagai peneraju dalam mencapai matlamat kemampunan melalui pembiayaan patuh Syariah yang mengimbangi antara keperluan sosial dan alam sekitar dengan pembangunan ekonomi.

**JADUAL 3.6.** Perbankan Islam: Penunjuk Utama<sup>1</sup>, Akhir Julai 2022 dan 2023

	RM BILION		PERUBAHAN (%)	
	2022	2023	2022	2023
<b>Aset</b>	<b>995.1</b>	<b>1,081.4</b>	<b>6.3</b>	<b>8.7</b>
<b>Pembiayaan</b>	<b>774.1</b>	<b>844.1</b>	<b>12.0</b>	<b>9.1</b>
Pertanian primer	16.2	20.9	-2.6	23.1
Perlombongan dan kuari	3.0	3.2	-35.3	-29.1
Pembuatan	36.0	33.7	4.6	-4.0
Bekalan elektrik, gas dan air	11.8	8.5	94.1	3.6
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	42.7	54.0	18.2	17.8
Pembinaan	43.3	44.6	34.3	-3.5
Hartanah	31.8	35.3	1.5	10.3
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	22.7	27.5	24.3	21.0
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	46.4	35.9	21.5	11.7
Pendidikan, kesihatan dan lain-lain	16.3	8.4	-41.4	14.2
Isi rumah	491.3	532.7	11.8	9.0
Lain-lain	12.4	39.3	118.4	17.5
<b>Liabiliti</b>	<b>923.8</b>	<b>1,001.0</b>	<b>6.4</b>	<b>8.4</b>
<b>Deposit dan Akaun Pelaburan</b>	<b>869.3</b>	<b>934.8</b>	<b>8.8</b>	<b>7.5</b>
Pelaburan	0.3	0.3	-22.1	-11.7
Tabungan	75.1	71.6	5.5	-4.6
Permintaan	134.9	132.7	16.3	-1.6
Akaun Pelaburan	133.5	142.9	17.6	7.1
Lain-lain	525.5	587.3	5.5	11.8

<sup>1</sup> Tidak termasuk DFI

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan pembundaran  
Sumber: Bank Negara Malaysia

<sup>6</sup> Termasuk DFI.

<sup>7</sup> Rangka Kerja ini merupakan kesinambungan daripada Panduan Sektorial kohort ke-1 dan ke-2 yang diterbitkan pada 2021 dan 2022 meliputi sektor minyak sawit, tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga, minyak dan gas, pembinaan dan infrastruktur serta pembuatan. Panduan Sektorial bagi kohort ke-3 merangkumi pertanian, perlombongan dan pengkuarian, pengangkutan jalan dan pengurusan sisa.

SISIPAN 3.2

## Perkembangan terkini: Memperkasa Kewangan Islam di Malaysia

### Evolusi Kewangan Islam di Malaysia


Sistem kewangan Islam di Malaysia telah berkembang dengan pesat sejak empat dekad yang lalu. Industri ini telah melalui tiga fasa pembangunan utama dan berkembang menjadi antara ekosistem kewangan Islam yang paling pesat pada peringkat global seperti dalam Rajah 3.2.1. Pengukuhan industri ini merupakan hasil usaha bersepadu pihak Kerajaan, pengawal selia kewangan dan peserta industri melalui pendekatan pelbagai aspek secara berterusan ke arah mengekalkan dan memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam pada peringkat global. Usaha tersebut termasuk menyediakan persekitaran perundangan dan pengawalseliaan yang kondusif dan menyokong; mempercepat pembaharuan struktur untuk menangani cabaran pasaran dan persaingan dalam kalangan industri; serta memperkukuh institusi dan bakat yang lebih dinamik.

RAJAH 3.2.1. Fasa Pembangunan dan Ekosistem Semasa dalam Kewangan Islam



## Ekosistem Kewangan Islam di Malaysia

### Peningkatan bahagian pasaran



### Pengiktirafan global

**Kedudukan Pertama – Indikator Perkembangan Kewangan Islam 2022**  
 Kedudukan Pertama – Indikator Ekonomi Islam Global 2021/22  
 Kedudukan Pertama – Indeks Fintech Islam Global (GIFT) 2022

**Persekutaran yang kondusif dan ekosistem yang menyeluruh**

- 1** **Rangka kerja pengawalseliaan dan undang-undang** (seperti CBA, IFSA, Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah)
- 2** **Menjadi hos infrastruktur kewangan Islam global utama** (seperti IFSB, IILM)
- 3** **Ekosistem bakat yang rancak serta memenuhi keperluan kewangan Islam global**
- 4** **Infrastruktur pasaran yang patuh Syariah** (seperti BSAS<sup>5</sup>, BM-7)

### Pasaran modal yang mendalam

Sukuk global dan domestik	
40.3%	Bahagian pasaran terbesar dalam sukuk global terkumpul
USD800 juta	Sukuk mampan berdaulat dalam dominasi dolar AS pertama di dunia
63.7%	Bahagian pasaran sukuk daripada jumlah bon domestik/sukuk terkumpul
Ekuiti Islam	
66.3%	Permodalan pasaran Syariah daripada jumlah permodalan pasaran
79.3%	Sekuriti patuh Syariah daripada jumlah sekuriti yang disenaraikan dan didagangkan



Nota:

<sup>1</sup> Termasuk Institusi Kewangan Pembangunan (DFI)

<sup>2</sup> Tidak termasuk aset dana pemegang saham

<sup>3</sup> Termasuk tingkap Islam bagi bank perdagangan dan pelaburan

<sup>4</sup> Setakat Dis 2022

<sup>5</sup> Termasuk tingkap pengurus dana Islam

<sup>6</sup> Bursa Suq Al-Sila<sup>7</sup> (BSAS) ialah sebuah platform dagangan komoditi khusus untuk memudah cara pengurusan kecairan dan pembiayaan Islam oleh institusi-institusi kewangan Islam

<sup>7</sup> Bursa Malaysia-i (BM-i) ialah pelantar pertukaran sekuriti Islam bersepadu dengan rangkaian kemudahan pertukaran yang lengkap serta menerapkan ciri-ciri yang patuh Syariah

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia

### Memperkuh nilai dan impak kewangan Islam

Di bawah kerangka Ekonomi MADANI, kewangan Islam disasarkan sebagai pengantara kepada pelbagai bentuk modal yang menyumbang ke arah sistem ekonomi inklusif dan adil. Kewangan Islam di Malaysia disarankan untuk menghayati prinsip Halal dan juga perlu menerapkan prinsip *Tayyib*. Aspirasi ini sejajar dengan nilai Syariah yang diterapkan dalam kewangan Islam yang bertujuan menggalakkan pengagihan kekayaan seimbang, membasmi kemiskinan, memupuk kerjasama dan menggalakkan pembangunan mampan seperti dalam Rajah 3.2.2. Nilai tersebut bersifat universal dan boleh membentuk sistem kewangan yang lebih mampan dan inklusif di Malaysia.



**RAJAH 3.2.2.** Prinsip-prinsip Syariah yang Menjadi Tunjang kepada Usaha Pembangunan Kewangan Islam  
Pertumbuhan ekonomi yang seimbang, progresif, mampan dan inklusif



Sumber: Bank Negara Malaysia

### Strategi di bawah Pelan Sektor Kewangan 2022 – 2026 sejajar dengan aspirasi Ekonomi MADANI

Pelan Sektor Kewangan 2022 – 2026 (*Financial Sector Blueprint 2022 – 2026*, FSBP) menetapkan lima teras strategik dengan matlamat untuk membangunkan sektor kewangan yang tangkas, dinamik dan berdaya tahan bagi menyokong peralihan negara ke peringkat pembangunan seterusnya. Teras kelima iaitu “membangunkan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan dalam kewangan Islam” menyasarkan sistem kewangan yang dapat memberikan impak sosioekonomi yang nyata, serta berupaya menzahirkan nilai dan potensi kewangan Islam secara menyeluruh termasuk merealisasikan *Maqasid Syariah*<sup>1</sup>.


Teras tersebut merangkumi tiga strategi utama iaitu:

- i. Memperteguh tawaran nilai Malaysia sebagai gerbang antarabangsa untuk kewangan Islam;
- ii. Memperkukuh pendorong dasar kewangan berasaskan nilai bagi mencapai impak yang lebih besar; dan
- iii. Mengetengahkan kewangan sosial.

Sejajar dengan hasrat Malaysia untuk mengukuhkan peranan sebagai gerbang antarabangsa untuk pasaran kewangan Islam dalam kalangan negara Asia dan negara ahli Pertubuhan Kerjasama Islam (*Organisation of Islamic Cooperation*, OIC), FSBP telah menggariskan keutamaan strategik berlandaskan keteguhan ekosistem industri ini. Keutamaan strategik tersebut turut disokong oleh usaha dan inisiatif yang bersepadu melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalam ekosistem ini. Inisiatif tersebut termasuk mengkaji semula kerangka kawal selia untuk memacu inovasi; membangunkan bakat yang mantap dan mampan; serta melaksanakan program perintis berskala dan berimpak menerusi kerjasama industri dan pihak berkepentingan pada peringkat global seperti dalam Rajah 3.2.3.

<sup>1</sup> *Maqasid Syariah* bermaksud objektif Syariah yang memberi takrifan mendalam dan kebijaksanaan yang perlu dipertimbangkan oleh pengamal undang-undang dalam semua atau sebahagian besar bidang dan keadaan perundangan. (*The Malaysian Islamic Financial Market Report 2023*, Bank Negara Malaysia)

RAJAH 3.2.3. Keutamaan Pembangunan Utama dan Inisiatif Pemain Industri



Sumber: Bank Negara Malaysia, Laporan Awal Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) AIBIM 2017 - 2020 dan Laporan Penuh 2021 (berdasarkan maklumat yang disumbangkan oleh ahli bank), ICD - Laporan Penunjuk Pembangunan Kewangan Islam Refinitiv 2022

Majlis Kepimpinan MIFC<sup>2</sup> (*MIFC Leadership Council*, MLC) telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada Oktober 2022 sebagai pemangkin utama untuk menempatkan Malaysia sebagai pasaran global dan gerbang antarabangsa dalam kewangan Islam. Majlis ini merupakan platform yang diterajui oleh industri dan dipandu berdasarkan aspirasi yang digariskan dalam FSBP dan Pelan Induk Pasaran Modal 3 (*Capital Market Masterplan 3*, CMP3).

Majlis yang dianggotai sepuluh tokoh industri tempatan dan antarabangsa yang terkemuka ini, telah mula melaksanakan konsultasi secara aktif bersama peserta industri dan rakan niaga utama. Di samping itu, MLC juga terlibat dalam pelbagai platform domestik dan antarabangsa yang merupakan sebahagian daripada peranan strategik dan advokasi bagi membangun dan meningkatkan impak kewangan Islam. Sebahagian daripada keutamaan segera MLC adalah untuk mempelbagai inovasi yang berimpak tinggi dan kerjasama ke arah meningkatkan hasil untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pemerolehan dana dan pelaburan Islam yang utama. Selain itu, MLC juga akan memberi tumpuan bagi menangani ketidaksaksamaan; menggalakkan kelestarian; mempertingkatkan inisiatif berkaitan modal insan dan pengetahuan dalam kewangan Islam; serta memperkuhkan pemeraksanaan digital.

Pengantaraan berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation*, VBI) merupakan satu daripada pemangkin utama ke arah pembangunan sistem kewangan yang lebih seimbang, progresif, mampan dan inklusif. Inisiatif VBI bertujuan menghasilkan pencapaian yang berpandukan nilai asas Syariah bagi menjana impak positif dan mampan terhadap ekonomi, komuniti dan alam sekitar. Sejak VBI diperkenalkan pada 2017, industri kewangan Islam telah menyalurkan sebanyak RM302.2 bilion bagi membiayai inisiatif berasaskan VBI. Pada masa ini, usaha juga tertumpu bagi memudahkan cara penyelesaian inovatif berasaskan nilai yang menyokong pengantaraan modal yang lebih luas dan menyokong transformasi digital dalam sektor kewangan.

<sup>2</sup> Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (*Malaysia International Islamic Financial Centre*, MIFC).

Pengumuman dua bank digital Islam<sup>3</sup> pada 2022 dan usaha pendigitalan yang sedang giat dilaksanakan oleh institusi perbankan Islam sedia ada, akan memperluaskan lagi capaian kepada penyelesaian kewangan yang berkualiti dan berpatutan, khususnya bagi segmen pasaran yang kurang dan tidak mendapat perkhidmatan kewangan. Di samping itu, pendigitalan yang diperkukuh dalam sektor takaful turut disokong oleh Rangka Kerja Perlesenan untuk Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful Digital (*digital insurers and takaful operators*, DITO), juga berpotensi mengurangkan jurang perlindungan kritikal di Malaysia.

Usaha berterusan sedang dilaksanakan bagi memudah cara penyelesaian berasaskan nilai yang inovatif untuk menyokong pengantaraan modal yang lebih luas. Bagi menyokong pelaksanaan SDG, kewangan sosial juga akan memainkan peranan lebih penting dalam melengkapi kewangan sektor awam, penyelesaian kewangan komersial dan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) institusi kewangan untuk meningkatkan daya tahan sosial. Hasrat ini dapat dicapai dengan mengguna pakai instrumen seperti zakat, wakaf dan sedekah sebagai sebahagian elemen penting dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Sebagai contoh, iTEKAD merupakan program kewangan sosial campuran yang diperkenalkan pada 2020 dengan menggabungkan komponen kewangan dan bukan kewangan dalam bentuk modal permulaan, kewangan mikro dan latihan berstruktur. Program ini menyasarkan kumpulan berpendapatan rendah iaitu bakal usahawan mikro dan yang sedia ada. Program iTEKAD telah berkembang dengan penyertaan 11 bank melibatkan pelbagai dana kewangan sosial (derma, pelaburan impak sosial dan zakat) melebihi RM40 juta yang memanfaatkan lebih 3,000 peserta pada 2023. Penunjuk prestasi utama VBI dan iTEKAD seperti dalam Rajah 3.2.4.

RAJAH 3.2.4. Penunjuk Prestasi Utama VBI dan iTEKAD



Nota: <sup>1</sup>Angka adalah pada Ogos 2023 dan diperolehi daripada sampel peserta iTEKAD  
 Sumber: Bank Negara Malaysia, institusi kewangan yang mengambil bahagian dalam iTEKAD, Laporan Penuh Pengantaraan Berasaskan Nilai AIBIM (2021)

<sup>3</sup> Pada 2022, BNM telah mengumumkan lima pemohon yang berjaya mendapatkan lesen bank digital dengan dua daripadanya dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA). Pemohon yang berjaya akan menjalani tempoh persediaan untuk beroperasi.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, usaha yang dilaksanakan sehingga kini dapat merancakkan lagi perkembangan sistem kewangan Islam di Malaysia dan mengukuhkan kedudukan negara sebagai peneraju tersohor dalam ekonomi Islam pada peringkat global. Pihak Kerajaan, khususnya melalui BNM dan SC, bersama pelbagai pihak berkepentingan dalam industri akan bekerjasama untuk mengukuhkan tawaran nilai kewangan Islam. Tambahan pula, Malaysia diiktiraf secara meluas sebagai peneraju global kepimpinan berwawasan dalam bidang ini. Justeru, negara berada pada landasan yang tepat untuk menerajui perancangan hala tuju kewangan Islam dengan landskap kewangan dan ekonomi yang berkembang pesat di samping mencapai keseimbangan antara agenda pembangunan ekonomi dan sosial selari dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

Pasaran Modal Islam (ICM) terus menerajui pasaran modal Malaysia dalam pengumpulan dana dan pelaburan. Pada akhir Julai, saiz ICM domestik bernilai RM2,402.2 bilion iaitu 64.4% daripada jumlah saiz pasaran modal. Di samping itu, saiz ICM terus meningkat sebanyak 7.9% menjadikan pasaran sukuk lebih menarik kepada pelabur.

Bagi tempoh tujuh bulan pertama, terbitan sukuk merekodkan sebanyak RM178.2 bilion atau 61.7% daripada jumlah terbitan. Permintaan yang semakin meningkat daripada sektor swasta terhadap instrumen patuh Syariah terus merangsang penerbitan sukuk. Jumlah terbitan sukuk korporat mencecah RM50.9 bilion iaitu 75.6% daripada keseluruhan bon dan sukuk korporat yang diterbitkan di Malaysia dalam tempoh yang sama. Malaysia terus merekodkan bahagian terbesar sukuk global terkumpul sebanyak 38.8% pada akhir Julai.


Selaras dengan pengiktirafan sebagai perintis dalam pasaran sukuk global, Malaysia mempunyai infrastruktur kewangan Islam yang mantap dengan terbitan sukuk yang pelbagai daripada segi tempoh dan struktur. Sukuk Malaysia dianggap menarik kerana kadar hasil yang kompetitif dan reputasi kawal selia yang kukuh. Selain itu, usaha Malaysia untuk menjadi hab kewangan Islam telah menarik minat pelabur institusi asing dalam mempelbagaikan portfolio pelaburan. Walau bagaimanapun, terbitan sukuk global dijangka meningkat secara sederhana pada 2023 dalam suasana pertumbuhan yang lebih perlahan dan turun naik pasaran namun terus kekal sebagai

sumber pembiayaan utama dalam pasaran kewangan Islam teras. Sementara itu, prospek pasaran sukuk jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang diunjur kekal positif selaras dengan permintaan pelabur Islam yang berterusan, keperluan pembiayaan semula penerbit dan sokongan kerajaan dalam pasaran teras.

Bursa Malaysia terus mempromosikan produk sekuriti patuh Syariah. Sehingga akhir Julai, sejumlah 807 atau 81.8% daripada keseluruhan 987 syarikat senarai awam memenuhi kriteria patuh Syariah. Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah mencatat RM1,142.9 bilion atau 65.1% daripada keseluruhan permodalan pasaran syarikat tersenarai di Bursa Malaysia.

Pasaran modal Malaysia dijangka kekal berdaya tahan dan menyokong ekonomi dengan asas makroekonomi yang kukuh, mudah tunai domestik yang tinggi dan infrastruktur yang baik. Pelan Induk Pasaran Modal 3 (CMP3) bertujuan menjadikan pasaran modal terus relevan terhadap pembangunan ekonomi Malaysia dan pihak berkepentingan menjelang 2025. Pelan ini bermatlamat mencapai pasaran modal yang cekap dan berkesan yang menyalurkan modal dalam sektor produktif serta memupuk kepelbagaian dan persaingan. Seajar dengan hasrat ini, SC terus berusaha meningkatkan kepintaran digital pelabur domestik dan meletakkan fintech sebagai penyumbang kepada penyelesaian dalam ekonomi halal, Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) dan kewangan sosial Islam.

**RAJAH 3.10.** Sukuk Global Terkumpul mengikut Negara (% bahagian)



Sumber: Bank Negara Malaysia

## Kesimpulan

Dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam keadaan harga yang stabil. Aktiviti pengantaraan kewangan terus kukuh disokong oleh prospek pertumbuhan ekonomi yang positif; pasaran buruh yang stabil; dan ketersediaan kredit yang memberangsangkan. Selain itu, pasaran modal diunjur kekal berdaya tahan sejajar dengan prospek pertumbuhan

domestik yang menggalakkan. Dasar yang digariskan menerusi NETR, NIMP 2030 dan KSP RMKe-12 yang selaras dengan kerangka Ekonomi MADANI merupakan sebahagian daripada dasar yang akan memacu Malaysia ke arah masa hadapan yang lebih baik. Sejarar dengan pengumuman Kerajaan mengenai langkah untuk memulihkan pasaran modal, pasaran kewangan domestik dijangka terus mengukuh dan memberikan sumbangan yang signifikan terhadap kekayaan dan kemakmuran negara.

## Rujukan

- Bank Negara Malaysia. (2023a). *Kertas strategi Rangka Kerja Rangkuman Kewangan (2023 – 2026)*. <https://www.bnm.gov.my/-/2nd-fin-incl-frmwwk>
- Bank Negara Malaysia. (2023b). *Laporan Tahunan BNM 2022*. <https://www.bnm.gov.my/publications/ar2022>
- Bank Negara Malaysia. (2023c). *Pelan Sektor Kewangan 2022 – 2026*. <https://www.bnm.gov.my/publications/fsb3>
- Bank Negara Malaysia. (2023d). *Perkembangan ekonomi dan kewangan Malaysia pada suku pertama 2023*. [https://www.bnm.gov.my/-/qb23q1\\_bm\\_pr](https://www.bnm.gov.my/-/qb23q1_bm_pr)
- Bank Negara Malaysia. (2023e). *Perkembangan ekonomi dan kewangan Malaysia pada suku kedua 2023*. [https://www.bnm.gov.my/-/qb23q2\\_bm\\_pr](https://www.bnm.gov.my/-/qb23q2_bm_pr)
- Bank Negara Malaysia. (2023f). *The Malaysian Islamic financial market report*. <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/54166/The-Malaysian-Islamic-Financial-Market-Report.pdf>
- Bank Negara Malaysia. (2023g). *Tinjauan Ekonomi & Monetari 2022*. <https://www.bnm.gov.my/publications/emr2022>
- Bursa Malaysia. (2023a, Januari 3). *Bursa Malaysia amends business rules and listing requirements*. [https://www.bursamalaysia.com/about\\_bursa/media\\_centre/bursa-malaysia-amends-business-rules-and-listing-requirements](https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/media_centre/bursa-malaysia-amends-business-rules-and-listing-requirements)
- Bursa Malaysia. (2023b, Februari 16). *Bursa Malaysia launches new data connectivity service*. [https://www.bursamalaysia.com/about\\_bursa/media\\_centre/bursa-malaysia-launches-new-data-connectivity-service](https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/media_centre/bursa-malaysia-launches-new-data-connectivity-service)
- Bursa Malaysia. (2023c, Mac 17). *Bursa Carbon Exchange successfully completes Malaysia's inaugural carbon auction*. [https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content\\_entry5c11a9db758f8d31544574c6/6413da6f5b711a45ca10d6ad/files/17Mar\\_2023\\_Bursa\\_Carbon\\_Exchange\\_Successfully\\_Completes\\_Malaysia\\_s\\_Inaugural\\_Carbon\\_Action\\_.pdf?1679028940](https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/6413da6f5b711a45ca10d6ad/files/17Mar_2023_Bursa_Carbon_Exchange_Successfully_Completes_Malaysia_s_Inaugural_Carbon_Action_.pdf?1679028940)
- Bursa Malaysia. (2023d, Mac 22). *Bursa Malaysia commences centralised sustainability platform*. [https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content\\_entry5c11a9db758f8d31544574c6/641aac745b711a7239465262/files/Mar22\\_Bursa\\_Malaysia\\_Commences\\_Centralised\\_Sustainability\\_Platform\\_.pdf?1679471184](https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/641aac745b711a7239465262/files/Mar22_Bursa_Malaysia_Commences_Centralised_Sustainability_Platform_.pdf?1679471184)
- Bursa Malaysia. (2023e, Mac 27). *Bursa Malaysia enhances listing requirements to facilitate offering of Islamic REITs and ETFs with waqf feature*. [https://www.bursamalaysia.com/about\\_bursa/media\\_centre/bursa-malaysia-enhances-listing-requirements-to-facilitate-offering-of-islamic-reits-and-etfs-with-waqf-feature](https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/media_centre/bursa-malaysia-enhances-listing-requirements-to-facilitate-offering-of-islamic-reits-and-etfs-with-waqf-feature)
- Bursa Malaysia. (2023f, Mac 31). *Bursa Malaysia introduces new transfer of listing framework from LEAP Market to ACE Market*. [https://www.bursamalaysia.com/about\\_bursa/media\\_centre/bursa-malaysia-introduces-new-transfer-of-listing-framework-from-leap-market-to-ace-market](https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/media_centre/bursa-malaysia-introduces-new-transfer-of-listing-framework-from-leap-market-to-ace-market)
- Bursa Malaysia. (2023g, Jun 12). *Bursa Malaysia expands "Approved Securities" criteria to boost market vibrancy*. [https://www.bursamalaysia.com/about\\_bursa/media\\_centre/bursa-malaysia-expands-approved-securities-criteria-to-boost-market-vibrancy](https://www.bursamalaysia.com/about_bursa/media_centre/bursa-malaysia-expands-approved-securities-criteria-to-boost-market-vibrancy)

- Bursa Malaysia. (2023h, Jun 19). *SC- Bursa Malaysia measures to boost capital market vibrancy and competitiveness*. [https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content\\_entry5c11a9db758f8d31544574c6/649000665b711a176fd3fafe/files/June19\\_2023\\_SC-Bursa\\_Measures\\_To\\_Boost\\_Capital\\_Market\\_Vibrancy\\_And\\_Competitiveness.pdf?1687161434](https://www.bursamalaysia.com/sites/5bb54be15f36ca0af339077a/content_entry5c11a9db758f8d31544574c6/649000665b711a176fd3fafe/files/June19_2023_SC-Bursa_Measures_To_Boost_Capital_Market_Vibrancy_And_Competitiveness.pdf?1687161434)
- Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia. (2021). *Value-based Intermediation full report 2021*. <https://aibim.com/contents/pages/value-based-intermediation/AIBIM-VBI-Full-Report-2021.pdf>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2023a, April 10). *Kementerian Pendidikan Tinggi dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia jalin memorandum persefahaman bangun Program Graduan Pasaran Modal*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/kementerian-pendidikan-tinggi-dan-suruhanjaya-sekuriti-malaysia-jalin-memorandum-persefahaman-bangun-program-graduan-pasaran-modal>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2023b, April 18). *SC umum platform e-bayaran baharu*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/sc-umum-platform-e-bayaran-baharu>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2023c, Jun 27). *FIKRA ACE SC pacu inovasi Islam, pertumbuhan untuk ICM*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/fikra-ace-sc-pacu-inovasi-fintech-islam-pertumbuhan-untuk-icm>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (2023d, Ogos 29). *SC luaskan akses, tawarkan lebih banyak pilihan dalam pengurusan dana*. <https://www.sc.com.my/bm/sumber/siaran-akhbar-dan-pengumuman/sc-luaskan-akses-tawarkan-lebih-banyak-pilihan-dalam-pengurusan-dana>

